

# PM terima permohonan maaf wartawan AP

UM 2 0 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerima permohonan maaf wartawan *Associated Press* (AP) yang menyiarkan laporan tidak tepat mengenai kenyataannya yang dibuat di Parlimen minggu lepas.

Dr. Mahathir juga berterima kasih kepada wartawan berkenaan walaupun beliau belum melihat surat yang dihantar ke pejabatnya hari ini.

“Saya tak tengok pun (surat yang dihantar), terima kasihlah... dia minta maaf saya terima maaf,” katanya ketika ditanya sama ada beliau telah menerima surat tersebut.

Perdana Menteri menyatakan demikian kepada pemberita di lobi Parlimen selepas membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat.

*Bernama* hari ini melaporkan AP telah memohon maaf kepada Dr. Mahathir kerana laporan berita

yang dibuat oleh wartawannya Sean Yoong pada 8 Oktober lepas yang memetik kenyataan Perdana Menteri di luar konteks.

Permohonan maaf itu terkandung dalam satu surat yang ditan-datangani di Kuala Lumpur oleh penganrang berita agensi itu, Rohan Sullivan dan Yoong sendiri.

Satu salinan surat itu yang dialamatkan kepada Dr. Mahathir juga dihantar kepada *Bernama* di sini.

Menurut kandungan surat itu, selepas Pejabat Perdana Menteri menghubungi untuk menarik perhatiannya berhubung kesilapan itu, AP telah mengambil langkah-langkah membetulkan kesilapannya pada 10 Oktober dengan meminta pelanggannya di seluruh dunia menggunakan berita baru dengan menjelaskan telah memetik kenyataan Dr. Mahathir di luar konteks.

“AP dan Yoong dengan ikhlas

kesal dengan kesilapan itu dan mahu memohon maaf terhadap laporan yang tidak betul itu. AP menyanjung anda dan tidak berniat menyalahgambarkan anda dalam apa cara pun.

“Kami berharap Dr. Mahathir akan menerima permohonan maaf kami,” kata AP dalam surat itu.

Pada 11 Oktober, AP dalam beritanya mengakui yang ia telah memetik Dr. Mahathir di luar

konteks mengenai respons beliau mengenai serangan udara Amerika Syarikat terhadap Afghanistan apabila menjawab satu soalan di Dewan Rakyat.

Kesilapan dalam berita yang ditulis oleh Yoong menyebabkan pejabat Perdana Menteri meminta AP dan pemberita terbabit membuat pembetulan dan memohon maaf kepada Dr. Mahathir.